

Kerja pemasangan bermula

KUALA LUMPUR - Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) mengumumkan kerja pemasangan dinding pengadang bagi pembinaan stesen Bukit Bintang (BB) Sentral di Jalan Bukit Bintang telah bermula.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awamnya, Amir Mahmmod Razak berkata, kawasan terlibat termasuk laluan pejalan kaki depan Plaza BB dan Bangunan Yayasan Selangor.

Menurutnya, pemasangan dilakukan bagi mengasingkan

kawasan kerja dengan laluan pejalan kaki selain memastikan keselamatan orang awam.

“Selain kurang gangguan ketika kerja, kontraktor kami juga tidak akan kompromi keselamatan orang awam.

“Apabila struktur sedia ada dialihkan, tiga lorong jalan akan disediakan bagi melencongkan aliran trafik buat sementara di Jalan Bukit Bintang pada bulan Oktober,” katanya.

Amir berkata, lencongan trafik bolehkan kerja menggali dijalankan untuk pembinaan bawah tanah BB Sentral.